

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 JAN 2015

138 buah untuk mangsa banjir di Kg. Manek Urai Lama

PM lancar rumah kekal

Oleh **AZRAN FITRI RAHIM**
dan **ZAAIN ZIN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA KRAI 29 JAN.**

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan pembinaan 138 rumah kekal untuk mangsa banjir di Kampung Manek Urai Lama di sini.

Buat permulaan, lima buah rumah yang berharga RM48,000 dibina sejak Ahad lalu dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 75 hari.

Bersaiz 6 x 9 meter persegi, rumah batu sepenuhnya itu dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu, dapur dan tandas dengan reka bentuk bertiang setinggi 2.4 meter dari tanah yang memberi ruang tambahan kepada pemiliknya.

Sementara itu, Najib berkata, pelaksanaan projek yang dibuat secara berperingkat-peringkat itu dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun.

“Pemilihan jenis rumah ini dibuat bagi memberi jaminan (pada) masa depan kalau ada banjir sekali lagi, rumah-rumah seperti ini tidak akan ditenggelami air,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa-Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Manek Urai Baru.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim; dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab. Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dabong.

Sebelum itu, Perdana Menteri melakukan tinjauan mesra ke tapak pembinaan rumah mangsa banjir di Manek Urai Lama serta menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada beberapa keluarga di situ.

Najib berkata, peringkat pertama pembinaan rumah melibatkan mangsa yang mempunyai tanah sendiri manakala bagi penduduk yang tinggal di kawasan setinggan serta rizab sungai pula, Kerajaan Pusat akan berunding dengan kerajaan negeri.

“Kumpulan ini kita minta kepada kerajaan negeri untuk meluluskan tapak-tapak baharu di tempat lebih selamat, di kawasan lebih tinggi,”

katanya.

“Di samping itu, bagi kerja baik pulih, kita sudah minta untuk diambil tindakan dengan nilai maksimum RM10,000.

“Kerja-kerja ini akan diselarasakan dengan agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW),” katanya.

Sementara itu, Fadillah berkata, pembinaan dan baik pulih rumah yang rosak akan diberi kepada kontraktor dan pekerja yang berada di kawasan yang terlibat banjir dan berdaftar dengan CIDB serta mempunyai rekod yang baik.

“Di Kelantan, terdapat lebih 1,600 kontraktor kelas F yang layak untuk kerja-kerja pembinaan dan baik pulih ini, dan kita akan beri keutamaan kepada mereka dahulu bagi pelaksanaan pembinaan dan baik pulih rumah.

“Ia akan dipantau oleh jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri dan Persekutuan. Kita anggarkan akan bina kira-kira 3,000 unit rumah di negeri-negeri yang terlibat banjir,” katanya.

Um - 30/1/2015